

Masalah Melayu P. Pinang ditimbulkan Suasana politik sekarang tidak akan jejaskan keselamatan—Dr. M

10 OKT 1977

PULAU PINANG, Ahad — Pemangku Perdana Menteri (Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed berkata, suasana politik di negara ini sekarang tidak akan menjejaskan keselamatan dan kestabilan politik.

Katanya, dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, persaingan di antara pemimpin dan krisis kecil politik memang berlaku kecuali negara-negara yang di bawah pimpinan kuasa dektator.

Dato Seri Dr. Mahathir menyatakan demikian semasa menjawab pertanyaan mengenai krisis Pas di Kelantan dalam sidang akhbar di Wisma Persekutuan pagi tadi.

Beliau mengadakan pertemuan tertutup selama sejam dengan Jawatankuasa

Oleh ZAINAL A.

Agong Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia petang semalam di tempat yang sama.

Pertemuan itu telah membincangkan beberapa perkara termasuk projek perumahan di Arab Saudi.

Pasukan petugas

Dato Seri Dr. Mahathir menjelaskan kerajaan tidak tahu tentang adanya projek tersebut. Projek itu sebenarnya diuruskan oleh Menteri Perumahan Arab Saudi.

Bagaimana pun beliau memberi jaminan bahawa masalah tersebut akan diatasi untuk membolehkan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia dapat menyertainya.

Mengenai peranan yang diambil oleh Jawatankuasa Pemandu yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk melaksanakan projek-projek yang disyorkan oleh Pasukan Petugas bagi mengatasi masalah Melayu Pulau Pinang, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, jawatankuasa tersebut telah mengadakan beberapa mesyuarat.

Beliau berkata, beberapa bidang yang perlu diberi pertolongan untuk tujuan tersebut telah juga diputuskan dalam mesyuarat itu.

Beliau berharap orang-orang Melayu di Pulau Pinang yang mendapat bantuan memajukan ekonomi mereka supaya melengkapkan diri.

Dato Seri Dr. Mahathir menyebut adanya sungutan dari peniaga-peniaga Melayu di sini tentang kesukaran mendapatkan tempat berniaga.

Tetapi, bila disediakan tempat, ada diantara mereka yang gagal dalam bidang tersebut kerana menghadapi masalah-masalah lain seperti kekurangan modal dan sebagainya.

Beliau menegaskan pentingnya penguasaan yang cekap dalam bidang tersebut bagi menjamin kejayaan orang-orang Melayu dalam lapangan perniagaan.

Kerajaan sentiasa mencari jalan bagi mengatasi masalah tersebut tetapi ini bergantung kepada kemahuan dan kesediaan mereka untuk memajukan diri mereka sendiri dalam bidang itu.

Mengenai peranan yang diambil oleh jawatankuasa penyelarasan peringkat pusat mengenai penyerataan Bumiputera dalam bidang ekonomi beliau menjelaskan, "Kita sedang mengkaji beberapa perkara termasuk penyerataan Bumiputera dalam bidang pembalakan."

Katanya, kerajaan akan cuba memberi pertolongan yang diperlukan oleh mereka.

Mengenai pengambilan doktor-doktor untuk berkhidmat di bawah perkhidmatan kerajaan, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, kita perlu mengambil doktor yang layak kerana perkhidmatan mereka ialah soal hidup mati manusia.

Ini juga, jelasnya, adalah bertujuan supaya apa juga profesyen yang terdapat di negara ini tidak akan merugikan kepada rakyat keseluruhannya, jelas beliau lagi.